



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDEKATAN GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL MENGADAPTASI ELEMEN
DAN PRINSIP SENI ISLAM DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN SENI VISUAL

KHAIRUL BARIYAH BINTI BADRUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Sila tanda (v)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

v



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) November (bulan) 2019.

i Perakuan pelajar :

Saya, **Khairul Bariyah binti Badrudin , M20131001021, FSKIK** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO MATRIK, DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Pendekatan Guru Pendidikan Seni Visual Mengadaptasi Elemen dan Prinsip Seni Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya **Jamilah binti Omar** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Pendekatan Guru Pendidikan Seni Visual Mengadaptasi Elemen dan Prinsip Seni Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **Sarjana Pendidikan Seni** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15 November 2019

Tarikh

Tandatangan Penyelia

JAMILAH OMAR

Pensyarah

Jabatan Seni Dan Reka Bentuk

Fakulti Seni Komputeran Dan

Industri Kreatif

UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Pendekatan Guru Pendidikan Seni Visual Mengadaptasi Elemen dan Prinsip Seni Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual

No. Matrik / Matric No.: M20131001021

Saya / I: Khairul Bariyah binti Badrudin

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research*


☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 15 November 2019



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

JAMILAH OMAR

Pensyarah

Jabatan Seni Dan Reka Bentuk

Fakulti Seni Komputeran Dan

Industri Kreatif

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya tesis ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian dan dokumentasi penyelidikan, penyelidik telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada individu-individu berikut; iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Zaihidee bin Hj. Arshad selaku penyelia utama tesis, Puan Jamilah binti Omar selaku penyelia bersama tesis yang banyak memberikan panduan dan nasihat. Tidak lupa Ketua Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Profesor Madya Dr. Ridzuan bin Hussin yang banyak membimbing saya membuat pembetulan tesis selepas sesi viva. Begitu juga guru-guru dan pelajar sekolah-sekolah yang terlibat dan memberi kerjasama yang baik dalam penyelidikan ini, para mentor penyelidikan Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar, rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat. Tidak lupa kepada suami, anak-anak, dan ibu yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini. Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah membiayai pengajian ini. Semoga tesis ini dapat memberikan manfaat kepada pelbagai pihak dalam dunia Pendidikan Seni Visual.





ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pendekatan guru Pendidikan Seni Visual (PSV) mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian menilai tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru Pendidikan Seni Visual dalam mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam bagi beberapa tajuk yang dipilih dalam sukatan matapelajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan ialah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Kaedah pemerhatian dilakukan ke atas sesi pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Seni Visual dan sesi temu bual terhadap guru. Rekod Rancangan Mengajar Harian guru tersebut dan penghasilan seni pelajar menjadi dokumen penting dalam penyelidikan ini. Dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru mampu untuk mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam. Mereka juga dapat merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dengan baik, namun kurang menyeluruh dan terperinci. Hasil seni visual yang dihasilkan pelajar dalam aktiviti PdP juga merangkumi elemen dan prinsip seni Islam secara kreatif dan menunjukkan minat pelajar. Proses adaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam pengajaran dan pembelajaran PSV, boleh direalisasikan dengan kesungguhan guru meningkatkan pengetahuan dan persediaan PdP yang baik. Dapatan kajian ini diharap mendapat perhatian pihak berkaitan untuk mengetengahkan pendekatan adaptasi seni Islam secara khusus dalam pengajaran dan pembelajaran PSV, seterusnya dapat melahirkan guru dan pelajar yang tahu berapresiasi terhadap hasil karya seni Islam.





THE APPROACH OF VISUAL ART EDUCATION TEACHERS IN ADAPTING THE ELEMENTS AND PRINCIPLES OF ISLAMIC ART IN TEACHING AND LEARNING VISUAL ART EDUCATION

ABSTRACT

This study was conducted to identify the approach of Visual Art Education teachers in adapting the elements and principles of Islamic art in teaching and learning. The study assessed the level of knowledge and readiness of Visual Art Education teachers in adapting the elements and principles of Islamic art for selected topics in the subject. This study used a qualitative case study approach. The methods used were observations, interviews and document analysis. Observations on teachers were carried out during the teaching and learning sessions of the Visual Art Education followed by interviews conducted with the teachers. The Daily Teaching Record of the teachers and the students' artwork became important documents in this research. The findings show that teachers were able to adapt the elements and principles of Islamic art. They could also plan and implement teaching and learning that were well-adapted with the elements and principles of Islamic art, but less comprehensive and detailed. The visual artwork produced by students in teaching activities also included the elements and principles of Islamic art creatively and demonstrated the interest of the students. The process of adapting elements and principles of Islamic art in the teaching and learning of Visual Art Education can be realized with the determination of teachers to improve their knowledge and good preparation in their teaching and learning. The findings of this study is hoped to attract the attention of the relevant parties in highlighting the Islamic art adaptation approach specifically in the teaching and learning of Visual Art Education, which will produce teachers and students who know how to appreciate the works of Islamic art.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
-----------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iv
--	----

PENGHARGAAN	iv
-------------	----

ABSTRAK	v
---------	---

ABSTRACT	vi
----------	----

  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	vii
---	-----

SENARAI JADUAL	xi
----------------	----

SENARAI RAJAH	xii
---------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xiii
-------------------	------

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
---------------------------	---

1.2 Pernyataan Masalah	10
------------------------	----

1.3 Tujuan Kajian	14
-------------------	----

1.4 Persoalan Kajian	15
----------------------	----

1.5 Kepentingan Kajian	16
------------------------	----

1.6 Batasan Kajian	18
1.7 Definisi Operasional	19
1.8 Rumusan	25

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Terminologi Seni Islam	27
2.2 Adaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam pengajaran dan pembelajaran PSV	41
2.3 Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran PSV	46
2.4 Pengaruh Seni Islam dalam Seni Batik di Malaysia	49
2.5 Kaligrafi Islam (Seni Khat)	64
2.6 Pengaruh seni Islam dalam Ukiran Kayu tradisi Melayu	68
2.7 Teori yang berkaitan dengan seni Islam dan Seni Visual	72
2.8 Kerangka Konseptual	80
2.9 Rumusan	81

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	82
3.2 Reka Bentuk Kajian	83
3.3 Populasi kajian	84
3.4 Pemilihan Sampel Kajian	85
3.5 Lokasi Kajian	87
3.6 Pengumpulan Data	88

3.6.1 Prosedur Pemerhatian	90
3.6.2 Prosedur Temubual	92
3.6.3 Analisis Dokumen	94
3.7 Pendekatan Analisis Data	94
3.8 Kebolehpercayaan	95
3.9 Kesimpulan	95

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan	97
4.2 Tahap Pengetahuan Guru PSV dalam Seni Islam	98
4.3 Kemahiran Pedagogi Guru PSV dalam Mengadaptasi Seni Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran PSV	118
4.4 Rancangan Pengajaran Harian PSV yang Mengadaptasi Elemen dan Prinsip Seni Islam	151
4.5 Penilaian Hasil Seni Visual Pelajar dalam Aktiviti PdP yang Mengadaptasi Elemen dan Prinsip Seni Islam	155
4.6 Kesimpulan	169

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	171
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	172
5.3 Implikasi Kajian	188
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	189
5.5 Rumusan	192



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

X

RUJUKAN

191

LAMPIRAN

196



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.31	Jadual konsep perancangan pengajaran dan pembelajaran yang sistematik	48
3.4	Demografi Guru Opsyen PSV Sebagai Peserta Kajian	86
3.6	Jadual matriks pengumpulan data	89
4.51	Rubrik Penilaian Hasil Karya Yang Mengadaptasi Elemen dan Prinsip Seni Islam	154



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

2.31	Konsep Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran Yang Sistemik	48
2.83	Zon Perkembangan Proksimal	79
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	80
4.31	Gambar pelajar menebuk imej kaligrafi (stensil) dan sedia diwarnakan	138
4.52	Enam hasil karya pelajar yang dinilai dalam PdP Peserta Kajian Satu	155
4.53	Enam hasil Karya Pelajar Yang Dinilai Dalam PdP Peserta Kajian Dua	159
4.54	Enam hasil Karya Pelajar Yang Dinilai Dalam PdP Peserta Kajian Tiga	162
4.55	Enam hasil Karya Pelajar Yang Dinilai Dalam PdP Peserta Kajian Empat	164





SENARAI SINGKATAN

PdP Pengajaran dan Pembelajaran

PSV Pendidikan Seni Visual





BAB 1

PENGENALAN

Bab ini menjelaskan matlamat utama Pendidikan Seni Visual yang berpandukan Kurikulum Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah. Matlamat yang dinyatakan dalam sukatan tersebut berkait rapat dengan penyelidikan ini. Selain itu, penyelidik turut membincangkan kepentingan dan kewajaran guru Pendidikan Seni Visual menyampaikan pengetahuan Seni Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Seterusnya bab ini juga turut menjelaskan pendekatan EMK (Elemen Merentas Kurikulum) yang boleh dijadikan nilai tambah dalam proses PdP Pendidikan Seni Visual.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kurikulum sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah menengah (2013), ada dinyatakan salah satu matlamat utama Pendidikan Seni Visual (PSV) adalah untuk





membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Menurut Mat Desa (2002), kandungan Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah turut memuatkan bidang sejarah dan apresiasi seni visual. Melalui bidang ini, pelajar didedahkan dengan kemahiran mencari maklumat berkaitan seni dan budaya bangsa serta membuat perbandingan dengan budaya lain. Pengetahuan yang diperoleh melalui pelbagai cara dan kaedah, akan dapat membantu pelajar memahami kehebatan seni yang ada dalam setiap budaya yang dipelajari. Kenyataan beliau bertepatan dengan dengan matlamat Pendidikan Seni Visual sekolah menengah seperti berikut:

Matlamat Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah adalah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, kritis, kreatif, imaginatif dan inovatif dan inventif. Berupaya membantu murid meningkatkan rasa kesyukuran terhadap tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, masyarakat dan negara, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. (KPM 2013: 3)

Justeru matlamat untuk melahirkan masyarakat celik budaya memerlukan guru memahami peranan mereka terhadap penjelasan budaya itu sendiri yang bukan sekadar mengetahui dan memindahkan pengetahuan mengenai budaya sendiri kepada pelajar. Menurut Mat Desa (2002) lagi, budaya atau kebudayaan yang dimaksudkan ialah ketamadunan bangsa sendiri. Sudah tentu peranan seni dalam konteks ini amat besar. Sehubungan itu kandungan Pendidikan Seni Visual yang dikemukakan menuntut guru mengupas sejauh mungkin, agar kefahaman pelajar menjurus kepada kenapa mereka





perlu mengikuti kandungan yang disediakan. Selain menghasilkan produk, juga perlu mengasah daya pemikiran dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan.

Tanggungjawab guru Pendidikan Seni Visual untuk mengupas sejauh mungkin perihal budaya bangsa menuntut guru meningkatkan pengetahuan dalam proses pendidikan. Guru perlu sedaya upaya memastikan pengajaran dan pembelajaran dalam proses menghasilkan sesuatu produk atau karya menjurus kepada matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pengetahuan seni Islam misalnya amat kurang ditonjolkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, walhal sebenarnya seni Islam banyak diterapkan dalam hasil-hasil seni tradisi masyarakat Melayu seperti ukiran kayu dan tembikar. Ini kerana ruang litup penerangan guru dalam memberikan kefahaman kepada pelajar sepatutnya berlaku dalam bentuk proses pendidikan yang mampu menghasilkan benih dan bercambah, bukan sahaja hasil akhir dalam pembuatan tetapi juga melibatkan pemikiran holistik.

Penglibatan pemikiran holistik tidaklah memaksa seseorang individu sama ada guru atau pelajar berubah kepercayaan beragama, tetapi lebih kepada penyampaian pengetahuan tentang kesenian Islam bagi memberi kefahaman yang lebih jelas supaya tidak berlaku salah faham dalam masyarakat. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama pengetahuan ini penting dalam mengeratkan perpaduan. Laman web *Metropolitan Museum of Art (US)* yang diakses pada Jun 2018 memberi panduan kepada golongan guru (termasuk bukan Islam) di Amerika Syarikat tentang topik-topik dalam seni Islam yang boleh diajarkan kepada pelajar mereka seperti manuskrip Arab, motif-motif Islamik dan lain-lain. Pihak muzium tersebut juga





menyatakan sebab-sebab perlunya guru mengajar Seni Islam dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara sebab-sebab yang dinyatakan ialah,

Exposing students to both religious and secular artworks produced in the Islamic world provides a more complete picture of global cultures and religions past and present. Islam is currently practiced by about twenty-three percent of the world's population. Learning about the outstanding aesthetic and intellectual achievements of the inhabitants of the Islamic world over twelve centuries in arts, sciences, and mathematics, as reflected in the Museum's exemplary collection, will help students recognize ways in which these accomplishments continue to inform our lives today. A close look at works of art from the many regions included in the Islamic world will help students recognize the breadth and diversity of these cultures and overcome misconceptions.



Petikan ini jelas menyatakan, guru perlu memberi pendedahan tentang karya seni agama dan sekular dalam dunia Islam supaya dapat memberi gambaran lebih lengkap tentang budaya global yang lalu dan sekarang. Memandangkan Islam telah diamalkan oleh kira-kira tiga puluh peratus penduduk dunia, maka pelajar perlu belajar tentang pencapaian estetika dan intelektual yang luar biasa dari dunia Islam selama dua belas abad. Terutamanya bidang seni, sains dan matematik. Hasil seni Islam atau artifak seni Islam akan dapat membantu pelajar mengetahui bagaimana kegemilangan yang terdahulu dapat mempengaruhi kehidupan manusia pada masa kini. Selain itu juga, dengan melihat karya seni dari wilayah yang berbeza dalam dunia Islam akan membantu pelajar mengenali keluasan dan kepelbagaian budaya dan mengelak salah faham.





Di Malaysia seni Islam penting untuk difahami dan dihayati oleh semua pelajar tidak mengira kaum dan agama kerana ia merupakan salah satu khazanah warisan budaya yang memiliki nilai estetika dan falsafah yang tinggi. Penyelidik melihat seni Islam merupakan salah satu seni yang tenggelam dalam proses penghasilan seni visual pelajar. Mungkin impak dari kurangnya penekanan guru yang kurang memberi kupasan mendalam mengenai seni itu semasa pengajaran dan pembelajaran. Walaupun Seni Islam tiada tajuk khusus dalam sukatan Pelajaran Seni Visual sekolah menengah, tetapi terdapat topik-topik seni visual yang boleh dibincangkan pengaruhnya dalam penghasilan karya. Misalnya, merujuk Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid, Pendidikan Seni Visual Tingkatan dua yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), terdapat tajuk-tajuk yang sesuai untuk diadaptasi elemen dan prinsip seni Islam seperti tajuk-tajuk dalam bidang seni halus, dalam kraf ukiran kayu dan bidang komunikasi visual. Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, hasil pembelajaran adalah berbeza-beza mengikut aras yang sesuai dengan tahap keupayaan dan perkembangan pelajar itu sendiri.

Bagi menjayakan hasrat untuk merealisasikan matlamat Pendidikan Seni Visual negara, maka seni Islam wajar diketengahkan kerana ia dapat mendatangkan impak yang positif kepada seseorang individu. Tambahan pula identiti Islam itu sendiri dapat diperkenalkan secara tidak langsung bersesuaian dengan suasana negara kita yang berbilang kaum dan agama. Faye S. Oweis (2002: 19), juga berpendapat bahawa "Islamic art can effectively convey messages about Islamic culture, the peaceful teaching of Islam, and the contribution of the Islamic civilization to the world."

Sementara itu, S Hossein Nasr (1987: 195) juga menyatakan,





Traditional Islamic Art conveys the spirituality and quintessential message of Islam through a timeless language which, precisely because of its timelessness as well as its direct symbolism, is more effective and less problematic than most of the theological explanations of Islam.

Seni Islam bukan saja berpotensi menyemai keharmonian antara kaum dan agama malah dapat membentuk keperibadian yang baik dalam diri pelajar. Saranan atau perspektif tradisi yang diutarakan oleh al-Farabi (1984) berkaitan asas kejiwaan, telah menjelaskan tiga aspek yang memainkan peranan dalam pembentukan kejiwaan manusia ialah akal (nilai intelektual), iradah (budi pekerti) dan bilquah (berjiwa seni). Istimewanya seni Islam dapat melahirkan ciri-ciri yang disarankan al-Farabi tersebut. Maka, sebaiknya pengetahuan seni Islam diberi penekanan dan diadaptasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual termasuklah dalam aktiviti penghasilan seni visual pelajar.

Pendekatan guru mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga merupakan salah satu cara meningkatkan daya apresiasi terhadap seni Islam dalam kalangan pelajar. Proses adaptasi boleh diimplementasi oleh guru Pendidikan Seni Visual jika memiliki pengetahuan dan kesedaran yang kuat akan implikasi positif yang bakal diperoleh pada masa hadapan. Sukatan Pelajaran Seni Visual Tingkatan Enam (2012: 6), terdapat tajuk Sejarah dan Kritikan Seni yang mana guru perlu menjelaskan gerakan seni utama yang terdapat dalam seni visual mengikut fasa tradisi, moden dan pasca moden. Sehubungan itu, guru seni visual banyak memfokuskan topik sejarah gerakan dan aliran seni Barat dan pengetahuan bagaimana aliran-aliran seni Barat ini menular masuk ke Tanah Melayu dan





bertapak segar hingga kini. Penyelidik berpendapat perkembangan ini sedikit sebanyak menenggelamkan seni tradisi Melayu dan identiti seni Islam di Malaysia. Guru sebenarnya memainkan peranan penting dalam usaha mengadaptasi pengetahuan seni Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran walaupun tajuk-tajuk dalam sukatan pelajaran tidak meletakkan tajuk khusus seni Islam.

Faktor kurang kesedaran terhadap kepentingan adaptasi seni Islam ini mungkin menyebabkan pelajar kurang mendapat pendedahan yang sepatutnya mengenai seni Islam. Pelajar sekolah merupakan generasi pewaris kesenian Islam. Potensi sebagai seniman seni Islam wajar dipupuk agar dapat melahirkan seniman-seniman yang mempunyai jati diri Malaysia yang tersendiri. Apabila pengetahuan seni Barat diserap dalam sukatan Pendidikan Seni Visual, ia menjadi lebih dominan berbanding kesenian tradisi yang banyak terkandung elemen dan prinsip seni Islam di dalamnya. Justeru menimbulkan kebimbangan penyelidik terhadap perkembangan kesenian ini apabila tiada penekanan khusus dalam Pendidikan Seni Visual. Maka berkemungkinan kita akan menghadapi kekurangan pengkarya-pengkarya (Melayu-Muslim khasnya) yang peka akan kepentingan penerapan elemen dan prinsip seni Islam melalui persembahan dalam bentuk seni kraf tradisional Melayu atau seni moden kontemporari. Menurut Ismail A (1996: 16) berkaitan hal ini seperti berikut:

Karya moden tempatan seolahnya tidak mempunyai tradisi dan kesinambungan yang bercorak environmen, ethnografik, fungsional atau moral tempatan. Ia seolah kehilangan akar tradisi (nilai agama, moral) dan hanyut ditelan waktu... karya tempatan seolah-olah muncul sejak awal tahun 1930-an sahaja, dan zaman sebelumnya adalah seakan-akan zaman penuh misteri.





Menurut beliau lagi,

Sejarah dan perkembangan seni lukis di Malaysia nampaknya mengambil model seni lukis moden Barat sebagai kayu ukurnya. Ia "ditampal" menjadi seakan manifestasi seni lukis tanah air...Hasilnya, asas-asas seni lukis pra-sejarah dan peribumi seakan terasing dan hilang dari dunia seni lukis tempatan. Konsep seni Barat yang dibawa oleh ejen Barat tidak sesuai digunakan untuk memahami idea dan konsep seni lukis tempatan. Selain daripada itu, pengaruh tradisi luar, seperti tradisi Timur Tengah (khususnya Islam)...perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Sehubungan itu, guru Pendidikan Seni Visual bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat dan pengetahuan yang sepenuhnya mengenai Seni Islam.

Usaha ini menuntut inisiatif dan kesedaran yang kuat dalam kalangan guru-guru Pendidikan Seni Visual. Matlamat Pendidikan Seni Visual supaya melahirkan pelajar yang celik budaya perlu difahami oleh guru dan dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Guru Pendidikan Seni Visual perlu peka dengan perkembangan seni visual tanah air supaya dapat menjelaskan kepada pelajar tentang kebudayaan mereka yang sepatutnya disemai dan dijaga. Tentunya para guru Pendidikan Seni Visual tidak mahu anak didik mereka menamatkan alam persekolahan dengan tiada jati diri untuk mempertahankan budaya warisan mereka termasuklah Seni Islam.

Menurut Ismail A (1996: 18),

Memandangkan pelbagai stail, aliran, media dan teknik baru sudah tersuntik masuk ke dalam minda orang-orang seni tampak, tentunya kecelaruan identiti





kembali menyerang para seniman muda. Aktiviti dan objek seni lukis di Malaysia nampaknya diikat oleh tipa visual yang konvensional. Ciri-ciri 2-D dan 3-D, atau lain-lain ekspresi visual yang digemari pelukis adalah hasil peniruan atau modifikasi yang disandarkan kepada tradisi visual (moden) Barat.

Justeru amat wajarlah bagi penyelidik mengkaji isu ini atas rasa tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara khususnya berhubung dengan Pendidikan Seni Visual. Berkaitan itu, penyelidik memilih untuk mengkaji pendekatan pengajaran guru dan pembelajaran murid yang mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam bagi tajuk-tajuk dalam sukatan sedia ada dan melihat implementasinya dalam pengajaran dan pembelajaran. Topik elemen dan prinsip seni Islam dipilih kerana ia merupakan pengetahuan yang paling asas dalam pengetahuan Seni Islam yang luas.



Dalam kajian ini, penyelidik ingin membuktikan, walaupun tiada tajuk khusus Elemen dan Prinsip Seni Islam dalam sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual, guru-guru boleh melaksanakan pendekatan yang luar dari kebiasaan dan merentas kurikulum dengan menerapkan topik Elemen dan Prinsip Seni Islam agar dapat diadaptasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran PSV. Pendekatan tersebut dilihat berdasarkan pengetahuan sedia ada, daya inisiatif dan daya kreativiti dalam kesediaan guru semasa pengajaran dan pembelajaran, kesedaran positif serta rasa tanggungjawab guru PSV. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga sangat menggalakkan pendekatan pengajaran yang memberi penekanan kepada penggunaan elemen merentas kurikulum. Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan





keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Merujuk dokumen Elemen Merentas Kurikulum dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011), salah satu elemen yang diberi nilai tambah ialah elemen kreativiti dan inovatif. Definisi inovasi dalam dokumen tersebut ialah keupayaan menghasilkan sesuatu yang baharu (modifikasi, adaptasi) dari yang sedia ada. Maka saya melihat kajian ini sangat relevan untuk dilaksanakan.

Sewajarnya pengetahuan tentang elemen dan prinsip Islam dapat disampaikan kepada pelajar dengan sebaik-baiknya melalui pendekatan pengajaran seperti ini kerana dapat memberi galakan dan memperkembangkan potensi pelajar supaya berminat menjadi pengkarya-pengkarya atau pereka profesional yang meraikan kepelbagaian seni budaya dan memurnikan dunia seni visual di Malaysia. Tahap pengetahuan dan keupayaan mereka menghasilkan karya seni yang berkonsepkan seni Islam dapat meramalkan masa depan seni Islam kontemporari di Malaysia, sama ada kian malap atau semakin bersinar.

1.2 Pernyataan Masalah

Faktor utama yang mendorong penyelidik membuat kajian ini adalah disebabkan beberapa faktor iaitu penyelidik mendapati guru kurang menggunakan pendekatan mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam pengajaran dan pembelajaran PSV. Dalam mata pelajaran PSV di peringkat sekolah menengah, guru hanya mengikut





panduan Sukatan Pelajaran sedia ada dan tidak memberi penekanan atau kurang membuat aktiviti adaptasi elemen dan prinsip seni Islam sebagai salah satu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran PSV di sekolah. Topik seni Islam hanya diselitkan pada beberapa tajuk khusus sahaja, misalnya tajuk Reka Bentuk Grafik dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Tingkatan Lima (2003: 43), iaitu seni kaligrafi. Dalam tajuk tersebut, kaligrafi Islam atau dikenali sebagai seni Khat diperkenalkan sedikit di bawah unit pembelajaran Komunikasi Visual tetapi bercampur dengan kaligrafi Cina dan rumi yang digunakan sebagai tulisan cantik untuk sajak dan kad ucapan, kad jemputan dan sebagainya. Begitu juga bidang Kraf Tradisional Ukiran Kayu dalam Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (2013: 9) yang memberi penekanan kepada sejarah dan penghasilan kraf tersebut. Manakala dalam tajuk Perkembangan Seni Visual di Malaysia dalam Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Lima (2003: 53), tidak banyak karya seni halus yang diperkenalkan sebagai karya seni Islam kecuali karya-karya seniman seperti Sulaiman Esa, Syed Ahmad Jamal, Awang Damit dan Ahmad Khalid Yusuf. Ini menyebabkan guru tidak dapat mengupas topik elemen dan prinsip seni Islam secara lebih mendalam. Walaupun begitu, guru boleh mengambil pendekatan merentas kurikulum dengan memberi nilai tambah dalam penyampaian pengajaran dan aktiviti pembelajaran. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis iaitu melalui kaedah temu bual dengan dua orang guru dan pengumpulan hasil seni visual murid di dua buah sekolah di negeri Kedah. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Bakai (Guru MD) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Baling (Guru HD) di Daerah Baling, Kedah. Daripada hasil temu bual tersebut, penyelidik mendapati guru Pendidikan Seni Visual ada membicarakan perkaitan seni dan Islam tetapi tidak ada seorang pun yang menyatakan perihai elemen dan prinsip seni Islam. Guru MD misalnya hanya membicarakan keindahan alam semulajadi ciptaan Tuhan dalam hasil seni visual pelajar.





Manakala guru HD pula ada memberitahu bahawa beliau pernah mengajar topik Tipografi dengan menjalankan aktiviti penulisan khat Jawi, tetapi tidak memberi penjelasan kepada pelajar bahawa kaligrafi merupakan salah satu elemen seni Islam. Oleh yang demikian penyelidik melihat ini merupakan satu permasalahan yang wajar dikaji.

Daya apresiasi seni visual sangat penting dalam proses pembelajaran PSV. Apabila tiada tajuk khusus Elemen dan Prinsip seni Islam dalam sukatan secara tidak langsung menyebabkan guru kurang berapresiasi terhadap hasil-hasil karya seni Islam dalam bilik darjah. Seterusnya memberi kesan negatif kepada pelajar kerana mereka tidak berupaya mengenal pasti elemen dan prinsip seni Islam dalam sesebuah hasil karya seni Islam dan tidak dapat membuat apresiasi. Guru PSV lebih banyak memperkenalkan karya-karya seni beraliran Barat kepada pelajar. Ini disebabkan tuntutan dalam sukatan pelajaran yang banyak memerlukan guru berbuat demikian. Justeru pelajar perlu diberi peluang mempelajari pengetahuan baru melalui pendekatan mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam ini supaya daya apresiasi mereka terhadap dunia seni visual lebih meluas. Jika tiada pendekatan pengajaran seperti ini, mungkin pelajar tidak nampak peluang bahawa seni Islam juga boleh diceburi di peringkat pengajian tinggi dan tidak menyedari potensi bidang Seni Islam sebagai salah satu peluang kerjaya yang baik.

Menurut Iberahim (2010) pula, dalam sistem persekolahan kita, Pendidikan Seni Visual adalah mata pelajaran wajib daripada tahun satu sekolah rendah hingga ke tingkatan tiga sekolah menengah. Ia juga merupakan mata pelajaran elektif untuk sekolah menengah atas. Ia mampu memberi persediaan awal bagi sebahagian daripada syarat-syarat masuk ke pusat pengajian tinggi khususnya untuk bidang-bidang yang





relevan seperti bidang yang memerlukan kemahiran melukis dan kreativiti yang tinggi iaitu seni binaan, pereka, dan sebagainya.

Kenyataan Iberahim itu, menunjukkan matlamat pendidikan seni visual di sekolah juga mengutamakan keperluan pekerja mahir negara. Pengetahuan asas seni Islam seperti elemen dan prinsip seni Islam merupakan permulaan untuk golongan pelajar sekolah menengah menyambung pelajaran ke peringkat profesional, seterusnya ke peringkat nasional untuk memberi sumbangan kepada negara. Justeru peranan guru PSV sangat penting dalam meningkatkan daya apresiasi pelajar terhadap seni Islam melalui pendekatan adaptasi elemen dan prinsip seni Islam ini.

Sewajarnya pelajar diberi pengetahuan tentang elemen dan prinsip seni Islam dan kemahiran asas menghasilkannya supaya mereka tahu bagaimana menghayati dan membuat kritikan karya seni Islam. Pelajar sekolah merupakan generasi pewaris kesenian Islam. Potensi sebagai seniman seni Islam wajar dipupuk agar dapat melahirkan seniman-seniman yang mempunyai jati diri Malaysia yang tersendiri. Apabila pengetahuan seni Barat diserap dalam sukatan Pendidikan Seni Visual, potensi pelajar untuk digilap di peringkat sekolah dalam pengetahuan elemen dan prinsip seni Islam tidak terlaksana dan kebolehan atau bakat pelajar kurang menyerlah. Penerapan elemen dan prinsip seni Islam sepatutnya menjadi identiti seniman-seniman di Malaysia, (Melayu-Muslim) khasnya. Ismail Abdullah (1996: 15) meluahkan kerisauan ini seperti berikut:

Sejarah dan perkembangan seni lukis di Malaysia nampaknya mengambil model seni lukis moden Barat sebagai kayu ukurnya. Ia ditampal "menjadi seakan





manifestasi seni lukis tanah air". Hasilnya, asas-asas seni lukis pra-sejarah dan peribumi seakan terasing dan hilang dari dunia seni lukis tempatan. Konsep seni Barat yang dibawa oleh ejen Barat tidak sesuai digunakan untuk memahami idea dan konsep seni lukis tempatan. Selain daripada itu, pengaruh tradisi luar, seperti tradisi Timur Tengah (khususnya Islam) perlu diberikan perhatian sewajarnya.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji pendekatan pengajaran dan pembelajaran guru PSV dan menilaitahap kesediaan guru PSV dalam melaksanakan pendekatan mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam bagi tajuk-tajuk dalam sukatan pelajaran sedia ada serta melihat implementasinya dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah. Penyelidik ingin membuktikan walaupun tiada tajuk khusus dalam sukatan pelajaran PSV, dengan pendekatan pengajaran guru yang berinovasi pengetahuan elemen dan prinsip seni Islam berupaya diadaptasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan perancangan kesediaan guru PSV. Aspek kesediaan guru dalam menjayakan pendekatan pengajaran ini memerlukan inisiatif, kesedaran positif, rasa tanggungjawab dan daya kreativiti guru PSV. Sekiranya pendekatan ini tidak dapat diimplementasi dengan baik, penyelidik ingin mendapatkan data yang menunjukkan punca-punca kelemahan tersebut dan mengemukakan cadangan-cadangan yang perlu bagi memastikan inisiatif golongan guru PSV yang melaksanakan pendekatan mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam pengajaran dan pembelajaran terus diberi galakan dan bimbingan yang sewajarnya.





Melalui kajian ini penyelidik ingin mendapatkan maklumat-maklumat yang dapat menyumbang kepada tiga perkara utama berikut:

1.3.1 Mengenal pasti pendekatan guru PSV dalam mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam pengajaran dan pembelajaran PSV berdasarkan tahap pengetahuan sedia ada.

1.3.2 Menilai kesediaan guru PSV dalam pelaksanaan perancangan pengajaran dan pembelajaran PSV yang menggunakan pendekatan mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam berdasarkan kemahiran pedagogi.

1.3.3 Menilai keberkesanan pelaksanaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam karya seni visual yang dihasilkan oleh pelajar.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mendapatkan seberapa banyak data untuk mengetahui jawapan bagi pernyataan masalah yang telah diutarakan, penyelidik membina beberapa soalan yang dirasakan relevan berkaitan tajuk kajian. Justeru, data-data mengenai pendekatan pengajaran dan pembelajaran guru PSV dalam mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dan implementasinya dalam pengajaran dan pembelajaran PSV di sekolah menengah





diharapkan dapatlah diperoleh apabila penyelidik mengutarakan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- a) Apakah tahap pengetahuan sedia ada guru PSV dalam aspek pengetahuan seni Islam, khususnya elemen dan prinsip seni Islam?
- b) Sejauh mana guru dapat membuat persediaan PdP menggunakan kemahiran pedagogi dalam PdP PSV bagi menjayakan pendekatan mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam tajuk-tajuk sedia ada dalam sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual?
- c) Bagaimanakah hasil atau keberkesanan implementasi pengetahuan dan kesediaan pedagogi guru PSV yang mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam PdP PSV?



1.5 Kepentingan Kajian

1.5.1 Penyelidik berharap dapatan kajian ini akan mendorong Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengetengahkan kesenian Islam secara khusus dalam matapelajaran seni visual di peringkat sekolah menengah. Sekiranya tidak dapat dijadikan tajuk khusus sekalipun, sekurang-kurangnya pembuktian ini diharap dapat menyumbang idea berinovasi kearah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang merentas kurikulum dan mampu meningkatkan daya apresiasi pelajar terhadap elemen dan prinsip seni Islam tidak kira kaum dan agama. Kefahaman yang jelas tentang elemen dan prinsip seni Islam dapat mengeratkan lagi hubungan pelajar





dalam masyarakat majmuk. Oleh itu, jelaslah pengetahuan asas seni Islam iaitu elemen dan prinsip seni Islam sangat penting dalam meningkatkan penghayatan dan perkembangan estetik dalam diri pelajar secara positif.

Menurut Charles (1994), dalam pembelajaran seni visual perkembangan personal pelajar dalam membuat ekspresi seni adalah melalui penerokaan idea secara pengalaman langsung, membuat transformasi idea untuk mencipta hasil seni sendiri dan membuat eksplorasi media dalam penghasilan seni. Sehubungan itu pelajar akan memberikan tindak balas yang responsif apabila dapat menjelaskan hasil karya, membuat interpretasi hasil karya tersebut dan membuat penilaian terhadapnya.



1.5.2 Dapatan kajian merupakan satu titik tolak ke arah memartabatkan seni Islam dalam kalangan guru-guru Pendidikan Seni Visual dan pelajar sekolah, seterusnya membantu perkembangan arena seni visual tempatan secara lebih positif. Usaha ini secara jangka panjang merupakan satu jalan survivalseniman Malaysia untuk terus kekal melahirkan karya-karya segar berkonsep Islamik di samping tidak meminggirkan nilai seni tradisi dalam dimensi baru dengan daya kreativiti yang tersendiri tanpa menafikan arus teknologi dan pemodenan.

1.5.3 Pendekatan mengadaptasi elemen dan prinsip Seni Islam dalam PdP penting untuk menyeimbangkan pengetahuan guru dan pelajar yang telah lama diterapkan dengan pengetahuan seni Barat dalam kurikulum PSV di Malaysia.





1.5.4 Dapatan kajian juga diharap dapat membantu menjana nilai keperibadian, sahsiah dan akhlak yang baik pada diri pelajar melalui usaha guru-guru Pendidikan Seni Visual dalam meningkatkan daya apresiasi terhadap seni Islam.

1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada beberapa aspek iaitu:

1.6.1 Penyelidik fokus kepada guru-guru yang opsyen Pendidikan Seni Visual sahaja sebagai peserta kajian. Ini kerana kebarangkalian guru memiliki pengetahuan seni Islam adalah tinggi berdasarkan maklumat bahawa guru-guru opsyen Pendidikan Seni Visual yang menjadi peserta kajian merupakan graduan universiti yang ada menawarkan subjek seni Islam.

1.6.2 Terbatas kepada empat orang guru di tigabuah sekolah menengah kebangsaan di Daerah Baling, Kedah sahaja. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Siong, Sekolah Menengah Kebangsaan Baling dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bongor. Faktor pemilihan tiga buah sekolah ini adalah secara rawak, terdapat kemudahan akses ke lokasi dan penyelidik berjaya mendapat kebenaran daripada pihak pentadbir sekolah tersebut untuk melaksanakan kajian ini.

1.6.3 Mengkaji pendekatan PdP guru PSV dengan mengenal pasti tahap pengetahuan sedia ada guru dan menilai kesediaan guru Pendidikan Seni Visual dalam mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam serta menilai keberkesanan implementasinya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bertajuk Batik Canting, Kraf





Tradisional Ukiran Kayu, Seni Halus: catan, dan Komunikasi Visual: Ilustrasi Kulit Buku.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Pendekatan Guru

Merujuk kamus Dewan edisi keempat (2005), pendekatan membawa maksud kaedah (cara, langkah-langkah dan sebagainya yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas (mengatasi masalah dan lain-lain). Dalam kajian ini pendekatan membawa maksud kaedah yang digunakan oleh guru Pendidikan Seni Visual sekolah menengah dalam mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam melalui pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan sukatan pelajaran sedia ada. Pendekatan ini merupakan satu nilai tambah dalam PdP yang selari dengan konsep EMK iaitu Elemen Merentas Kurikulum yang digalakkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2010), proses pengajaran dan pembelajaran perlu kepada pelbagai pembaharuan pengajaran dari masake semasa menjurus kepada kreativiti dan inovasi. Nilai tambah elemen dan prinsip seni Islam yang diadaptasi dalam tajuk-tajuk sedia ada dalam sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan satu kaedah yang menunjukkan adanya daya kreativiti dan inovasi dalam PdP oleh guru Pendidikan Seni Visual.





1.7.2 Pengetahuan Guru

Merujuk Kamarudin dan Siti Hajar (2004:2),

Apakah yang dimaksudkan dengan pengetahuan? Ia adalah tubuh maklumat yang wujud (the body of information that exists), selain daripada proses pemikiran manusia yang memperkembangkannya. Pengetahuan timbul dalam minda individu apabila seseorang itu berinteraksi dengan sesuatu idea atau pengalaman.

Manakala Kamis (2011) menyatakan pengetahuan boleh diperoleh menerusi pendidikan, penyelidikan dan pengalaman. Dalam penyelidikan ini, pengetahuan membawa maksud maklumat yang wujud sedia ada secara teori atau praktikal yang dimiliki oleh guru Pendidikan Seni Visual sama ada diperoleh secara pengajian formal atau tidak formal. Implementasi pendekatan mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam PdP PSV dilihat berdasarkan pengetahuan sedia ada guru PSV tanpa menafikan atau meminggirkan penyampaian pengetahuan dalam tajuk-tajuk sedia ada dalam sukatan pelajaran PSV.

1.7.2 Kesediaan Guru

Menurut Mok (2002), kesediaan adalah keupayaan persiapan individu di dalam kendirinya untuk memulakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran, ia boleh terbahagi kepada kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor. Dalam penyelidikan ini, kesediaan bermaksud keupayaan guru Pendidikan Seni Visual mengambil inisiatif berdasarkan pengetahuannya dan daya kreativiti untuk merancang





pendekatanPdP yang mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam tajuk-tajuk sedia ada dalam sukatan pelajaran PSV yang terpilih.

1.7.3 Pendidikan Seni Visual

Merujuk Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM) dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tingkatan dua dan tingkatan tiga, (2013: 3), Pendidikan Seni Visual menjurus kepada tiga bidang utama iaitu iaitu Seni Halus, Kraf Tradisional dan Komunikasi Visual. Pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adalah bagi mencapai matlamat Pendidikan Seni Visual dalam kurikulum (2013: 2), iaitu untuk membentuk peribadi generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Kandungan kurikulum berupaya membantu murid meningkatkan rasa bersyukur terhadap tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa serta dapat menyumbang kearah pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam penyelidikan ini, penghasilan seni visual yang dilaksanakan dalam PdP perlulah menepati maksud Pendidikan seni visual yang dinyatakan. Penyesuaian pengetahuan elemen dan prinsip seni Islam disesuaikan dengan bidang penghasilan seni visual yang terdapat dalamSukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah yang merangkumi tiga bidang utama iaitu seni halus, komunikasi visual, dan kraf tradisional. Perancangan mengadaptasi elemen dan prinsip seni Islam dalam pengajaran dan pembelajaran hendaklah berdasarkan sukatan tersebut.



1.7.4 Adaptasi

Adaptasi bermaksud penyesuaian dengan keadaan dan sebagainya yang baru atau berbeza.

(Kamus Dewan Edisi Keempat: 2005: 7)

Dalam kajian ini, adaptasi bermaksud penyesuaian elemen dan prinsip seni Islam secara terancang dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah menengah berpandukan Dokumen Standard Prestasi Pendidikan Seni Visual, Kementerian Pelajaran Malaysia 2013 dan Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM) Pendidikan Seni Visual 2013.

1.7.5 Elemen dan Prinsip Seni Islam

Fayeq S. Oweis (2002: 19), menyatakan tiga elemen utama yang ditekankan dalam Seni Islam iaitu:

Islamic art contains visual characteristics that make it "Islamic." The three main elements that unify Islamic art across a diverse and large geographical area are: Arabic calligraphy, the use of geometrical patterns, and Arabesque (floral and vegetal motifs).

Ismail Raji al-Faruqi (1999: 5-6), mendefinisikan Seni Islam seperti berikut:

Seni Islam didasarkan pada pernyataan LailahailAllah-bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan bahawa Ia sepenuhnya berbeza dengan manusia mahupun alam. Ia juga mengekspresikan dimensi positif tauhid. Doktrin Islam adalah bahawa tuhan bersifat tidak terhingga dalam segala sesuatunya-keadilan, ampunan,



pengetahuan dan cinta. Sifat-sifat-Nya selalu di luar jangkauan pemahaman dan penjelasan manusia. Pola-pola yang tidak memiliki awal mahupun akhir, yang memberikan kesan ketakterhinggaan (infiniti), dengan demikian merupakan cara terbaik untuk mengekspresikan ajaran tauhid melalui seni.

Ismail Raji al-Faruqi (1999) turut menyatakan enam karakter ekspresi estetik Tauhid iaitu ciri Abstraksi, Struktur Modular, Kombinasi Suksefif (kombinasi beturutan atau berterusan), Repetesi (perulangan), Dinamis dan Rumit. Norain Ishak (2012) juga menggunakan enam ciri tersebut sebagai prinsip-prinsip kesenian Islam, malah turut menambah lagi dua ciri ekspresi estetik tauhid iaitu ciri Padat dan ciri Beranyam.

Menurut Nirnan (2001), Lois Lamya Al-Faruqi menamakan tiga prinsip reka bentuk yang menunjukkan teologi Tauhid terjelma dalam Seni Islam, iaitu:

- i. Mengabstrakkan
- ii. Mereka bentuk / Penyahasilan
- iii. Pencorakkan tidak terbatas

Ketiga-tiga ini bersatu untuk menghasilkan Arabes di mana geometri abstrak dan motif organik *stylised* digunakan untuk melambangkan apa yang tidak dapat dimanifestasikan, dalam alam yang kita fahami, melalui kemungkinan corak yang tidak terbatas.

Berdasarkan definisi yang telah dijelaskan, maka dalam kajian ini, elemen seni Islam adalah merujuk kepada tiga elemen utama iaitu Kaligrafi, Arabesque dan Corak Geometri manakala prinsip seni Islam merujuk kepada prinsip tauhid yang bercirikan





Abstraksi, Struktur Modular, Kombinasi Suksesif (kombinasi beturutan atau berterusan), Repetesi (perulangan), Dinamik, Rumit, Padat dan Beranyam.

1.7.6 Pengajaran dan Pembelajaran

Kamarudin dan Siti Hajar (2004: 14), Pengajaran merupakan satu sistem aktiviti yang secara khusus ditujukan kepada murid-murid dengan tujuan membawa perubahan tingkah laku dalam kalangan mereka. Sistem aktiviti ini sebenarnya dirancang dan diolah oleh guru untuk menyampaikan pemahaman tentang maklumat atau pengetahuan tertentu kepada murid-murid dalam suasana yang dinamakan bilik darjah. Lynda Fielstein dan Patricia Phelps (2001: 214), pembelajaran didefinisikan sebagai "Any relatively permanent change in behavior or mental associations resulting from experiences".

Dalam penyelidikan ini, pengajaran membawa maksud satu sistem aktiviti yang dirancang dan diolah oleh guru untuk menyampaikan pemahaman tentang isi pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam sukatan pelajaran dan di samping itu membuat adaptasi pengetahuan elemen dan prinsip seni Islam dalam pengajaran kepada pelajar. Manakala dalam kajian ini, pembelajaran pula membawa maksud sebarang hasil perubahan yang kekal dalam aspek tingkah laku atau mental dalam diri pelajar hasil daripada pengalaman belajar secara formal khususnya untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang menggunakan pendekatan adaptasi elemen dan prinsip seni Islam.





1.8 Rumusan

Kesimpulannya, menerusi bab ini penyelidik menjelaskan antara matlamat Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah ialah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya. Penyelidik mengaitkan seni Islam sebagai seni yang sangat berkait rapat dengan tradisi kebudayaan di Malaysia terutamanya dalam tradisi Melayu tetapi ia kurang menjadi pilihan guru-guru PSV untuk menggunakannya sebagai pendekatan dalam proses penghasilan seni visual pelajar kerana tiada tajuk khusus 'elemen dan prinsip seni Islam' dalam sukatan. Namun, terdapat topik-topik seni visual yang boleh dibincangkan pengaruhnya atau dibuat pendekatan mengadaptasi pengetahuan ini dalam aktiviti penghasilan seni visual pelajar agar tahap apresiasi terhadap seni Islam dapat ditingkatkan.



Dalam bab ini juga penyelidik telah mengariskan pernyataan masalah, persoalan kajian, batasan kajian dan definisi operasi bagi memastikan kajian yang dijalankan berada pada landasan yang betul. Keseluruhannya, bab ini menjelaskan secara terperinci tujuan, serta kepentingan kajian yang mungkin boleh digunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

